

## **KEBOLEHTERIMAAN KETERANGAN PENDAPAT PAKAR PSIKOLOGI SEBAGAI KAEDAH PEMBUKTIAN DI MAHKAMAH SYARIAH**

**Mohd Sabree Nasri & Abdul Karim Ibrhim**

mohdsabree@unimel.edu.my  
Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa,  
Universiti Islam Melaka

**Ruzman Md Noor**

ruzman@um.edu.my  
Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademik Pengajian Islam,  
Universiti Malaya

**Mohamad Azhan Yahya**

azhan@ukm.edu.my  
Fakulti Undang-undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**Mohamad Afandi Md Ismail**

mohamadafandi@uitm.edu.my  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Teknologi Mara Shah Alam

**Article History:**

*Received: 18 November 2024*

*Accepted: 20 December 2024*

*Published: 31 December 2024*

### **ABSTRAK**

Isu kebolehterimaan keterangan pakar psikologi di Mahkamah Syariah menjadi semakin relevan dalam kes yang melibatkan kesihatan mental dan kesejahteraan emosi tertuduh atau mangsa, terutama apabila bukti saintifik diperlukan untuk membantu hakim membuat penilaian yang lebih tepat. Walau bagaimanapun, pendekatan undang-undang keterangan Syariah yang lebih konservatif menyebabkan mahkamah lebih cenderung menerima keterangan pakar psikiatri berbanding pakar psikologi dalam kes yang melibatkan kesihatan mental dan emosi. Kajian ini bertujuan menilai sejauh mana keterangan psikologi diterima di Mahkamah Syariah dan mengidentifikasi cabaran utama yang mempengaruhi penerimaannya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui penilaian terhadap dokumen perundangan, kes-kes terdahulu, dan sumber kepustakaan lain. Hasil kajian mendapati bahawa ketiadaan garis panduan khusus, kekangan perundangan, dan persepsi yang mengutamakan bukti tradisional adalah antara faktor utama yang menghadkan kebolehterimaan keterangan psikologi. Artikel ini mencadangkan

pengemaskinian undang-undang keterangan Syariah, latihan untuk hakim, dan garis panduan yang lebih jelas terhadap pakar psikologi bagi meningkatkan penerimaan dan keberkesanan keterangan psikologi sebagai kaedah pembuktian dalam sistem perundangan Syariah.

**Kata Kunci:** kebolehterimaan keterangan, pendapat pakar, pakar psikologi, kaedah pembuktian, kesihatan mental.

## ***THE ADMISSIBILITY OF PSYCHOLOGICAL EXPERT OPINION AS A METHOD OF PROOF IN SYARIAH COURTS***

### **ABSTRACT**

*The admissibility of psychological expert testimony in Syariah courts has become increasingly relevant in cases involving the mental health and emotional well-being of the accused or victims, especially when scientific evidence is needed to assist judges in making more accurate assessments. However, the conservative approach of Syariah evidence law leads courts to favor psychiatric expert testimony over psychological expertise in cases concerning mental and emotional health. This study aims to assess the extent to which psychological testimony is accepted in Syariah courts and to identify key challenges affecting its admissibility. The study employs a qualitative approach through an evaluation of legal documents, precedent cases, and other literary sources. Findings indicate that the absence of specific guidelines, legal constraints, and a perception favoring traditional evidence are among the primary factors limiting the admissibility of psychological testimony. This article proposes updates to Syariah evidence law, training for judges, and clearer guidelines for psychologists to enhance the acceptance and effectiveness of psychological evidence as a method of proof within the Syariah legal system.*

**Keywords:** *admissibility of evidence, expert opinion, psychologist, method of proof, mental health.*

### **1. PENGENALAN**

Pembuktian di Mahkamah Syariah memainkan peranan penting dalam memastikan keadilan ditegakkan, terutama dalam kes yang melibatkan isu psikologi seperti kesihatan mental dan kesejahteraan emosi tertuduh atau mangsa. Namun, masyarakat masih memandang penerapan bukti saintifik di Mahkamah Syariah dengan skeptis, khususnya apabila ia melibatkan pakar psikologi yang memberikan perspektif saintifik mengenai tingkah laku dan keadaan mental individu (Ahmad et al., 2020). Peranan ini mencetuskan perdebatan mengenai tahap kebolehterimaan pendapat pakar psikologi dalam proses pembuktian Syariah, memandangkan pandangan konservatif masih kuat mempengaruhi sistem kehakiman ini. Namun, dalam situasi yang lain pula, mahkamah lebih cenderung merujuk kepada pendapat pakar psikiatri bagi mendapatkan diagnosis berkaitan dengan kesihatan mental seseorang (Freckelton, 2023). Situasi ini membawa cabaran besar dalam penerimaan keterangan psikologi sebagai kaedah pembuktian yang sah dan berguna di Mahkamah Syariah, terutamanya dalam kes-kes berkaitan mental yang memerlukan pemahaman yang bersifat saintifik untuk mencapai keadilan yang lebih menyeluruh.

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa keterangan pakar psikologi diterima dengan meluas dalam sistem perundangan sivil, terutama dalam kes melibatkan isu mental, keganasan rumah tangga, dan penjagaan anak (Ravichandran, Rajamanickam & Dahlan, 2022). Sebaliknya, penerimaan keterangan psikologi dalam konteks Mahkamah Syariah masih terhad. Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh kekangan perundangan dan cabaran budaya yang mengutamakan bukti tradisional seperti saksi dan pengakuan serta bukti perubatan moden yang lebih standard (dalam konteks kesihatan mental merujuk kepada pakar psikiatri). Kajian-kajian lepas juga menunjukkan ketiadaan garis panduan khusus serta standard kelayakan untuk pakar psikologi dalam memberi keterangan di Mahkamah Syariah, yang menyumbang kepada kebimbangan terhadap kebolehpercayaan dan kebolehterimaan keterangan psikologi di mahkamah ini (Nasri & Noor, 2021).

Artikel ini bertujuan menilai kerelevanan dan kebolehterimaan keterangan pendapat pakar psikologi sebagai kaedah pembuktian di Mahkamah Syariah. Persoalan utama yang dibincangkan ialah sejauh mana keterangan psikologi diterima dalam konteks perundangan Syariah, apakah cabaran yang menghalang penerimaannya, dan langkah-langkah yang dapat diambil untuk meningkatkan kebolehterimaan dan keberkesannya sebagai kaedah pembuktian. Kajian ini menilai peruntukan undang-undang dan kajian terdahulu yang berkaitan untuk memperlihatkan kedudukan pendapat pakar psikologi dalam sistem kehakiman Syariah di Malaysia, di samping mengenal pasti isu-isu utama yang mungkin mempengaruhi penerimaan keterangan ini di mahkamah.

Penemuan awal kajian ini menunjukkan bahawa pengemaskinian undang-undang keterangan dan pengenalan garis panduan yang lebih jelas bagi keterangan psikologi dapat memperkukuh penerimaan keterangan ini di Mahkamah Syariah. Selain itu, satu garis panduan yang standard harus diwujudkan bagi melibatkan kes yang berkaitan dengan kesihatan mental dan kesejahteraan emosi. Di samping itu, senarai daftar dan peranan yang jelas turut diperlukan untuk membezakan antara peranan ahli kaunseling, psikologi dan psikiatri. Penambahbaikan ini diharapkan mampu membantu hakim dalam memahami aspek saintifik yang relevan dalam kes-kes tertentu dan seterusnya memastikan keadilan yang lebih menyeluruh dalam proses pembuktian, khususnya bagi kes-kes yang melibatkan isu kesihatan mental dan emosi.

## **2. SOROTAN LITERATUR**

### **2.1 Kebolehterimaan Keterangan**

Kebolehterimaan keterangan melibatkan pertimbangan sejauh mana sesuatu bukti diterima oleh mahkamah sebagai sah dan relevan dalam menentukan keputusan kes. Undang-undang keterangan menetapkan beberapa syarat, termasuk relevansi, kebolehpercayaan, dan kesahihan, yang perlu dipenuhi oleh setiap keterangan. Lawton (2020) menyatakan bahawa keterangan boleh diterima apabila ia menyumbang kepada keputusan yang adil dengan menyediakan maklumat yang berada di luar pengetahuan umum hakim atau juri. Syarat-syarat ini menunjukkan bahawa kebolehterimaan keterangan adalah asas dalam memastikan hanya bukti berkualiti dan sahih dikemukakan. Keperluan ini menjadi semakin kritikal di Mahkamah Syariah apabila keterangan saintifik, seperti psikologi, diusulkan untuk menambah pemahaman terhadap keadaan mental individu yang terlibat dalam kes. Justeru, konsep kebolehterimaan ini melandaskan perbincangan mengenai adaptasi kaedah saintifik dalam konteks perundangan Syariah.

Kebolehterimaan keterangan terdiri daripada lima unsur utama, iaitu relevansi, nilai probatif, nilai kolaboratif, rantaian jagaan, dan rantai keterangan (Yahya, Mohd Shariff & Khalid, 2024). Relevansi merujuk kepada hubungan langsung antara keterangan dengan fakta kes, memastikan bukti yang diberikan mempunyai kepentingan dalam kes. Bagi memastikan sesuatu keterangan itu relevan, ia mesti terangkum pada seksyen 5 sehingga seksyen 43 Undang-undang Keterangan di Mahkamah Syariah (Nasri & Noor, 2021). Nilai probatif menunjukkan kekuatan keterangan dalam membuktikan fakta tertentu, manakala nilai kolaboratif merujuk kepada kebolehan bukti tersebut untuk menyokong bukti lain. Rantaian jagaan memastikan integriti keterangan melalui pemeliharaan yang ketat dari pengumpulan hingga dibentangkan di mahkamah. Akhirnya, rantai keterangan mencakupi kesinambungan dan kesepaduan keterangan yang dikemukakan dalam menggambarkan gambaran keseluruhan kes (Mohd Shariff et al., 2022). Unsur-unsur ini menuntut agar setiap keterangan yang dikemukakan memenuhi standard tertentu bagi memastikan keterangan tersebut sah digunakan dalam proses perundangan. Mahkamah Syariah menghadapi cabaran besar untuk menerima keterangan saintifik seperti psikologi kerana kekangan perundangan tradisional (Ahmad et al., 2020). Pengembangan kepada unsur-unsur kebolehterimaan ini diperlukan agar bukti saintifik dapat memainkan peranan yang lebih kukuh dalam proses pengadilan Syariah.

## **2.2 Pendapat Pakar Psikologi**

Pendapat pakar psikologi memberi pandangan saintifik mengenai aspek mental, emosi, atau tingkah laku seseorang yang terlibat dalam sesuatu kes. Menurut Craig dan *Expert Witness Advisory Group* (2021) keterangan pendapat pakar psikologi menjadi penting dalam kes-kes kompleks yang memerlukan pemahaman terhadap keadaan mental yang tidak boleh diperoleh melalui kaedah pembuktian biasa. Contohnya, dalam kes yang melibatkan kesihatan mental tertuduh, pandangan pakar psikologi membantu mahkamah memahami elemen-elemen psikologi yang mungkin mempengaruhi tindakan tertuduh (Hailemariam et al., 2024). Definisi ini menunjukkan bahawa pendapat pakar psikologi membawa dimensi tambahan kepada perbicaraan dengan menyediakan maklumat saintifik yang relevan. Dari aspek perundangan, pada asasnya hanya keterangan fakta sahaja yang dibenarkan dikemukakan di mahkamah, namun undang-undang masih membenarkan keterangan pendapat dikemukakan dalam keadaan yang memerlukan. Dalam statut (perundangan) tidak ditakrifkan pakar secara khusus tetapi hanya menyatakan beberapa kategori pakar sahaja (Rajamanickam et al., 2012). Cabaran utama yang timbul ialah bagaimana pendapat ini dapat diintegrasikan ke dalam konteks Mahkamah Syariah yang sering lebih mengutamakan kaedah pembuktian tradisional.

Pendapat pakar psikologi terbahagi kepada unsur objektiviti, kebolehpercayaan, dan asas saintifik. Objektiviti merujuk kepada pandangan yang bebas daripada pengaruh luaran atau kepentingan peribadi pakar, sementara kebolehpercayaan berkait dengan konsistensi dalam pandangan pakar yang terlibat. Asas saintifik pula melibatkan penggunaan alat dan kaedah psikologi yang diterima secara meluas, seperti ujian psikometrik atau penilaian emosi berdasarkan kajian empirikal. Unsur-unsur ini memastikan pendapat yang dikemukakan adalah sah, tepat, dan berdasarkan bukti saintifik yang diiktiraf. Namun, penerimaan unsur-unsur ini di Mahkamah Syariah masih terhad, disebabkan ketiadaan panduan khusus yang boleh memastikan pendapat pakar psikologi memenuhi syarat perundangan tradisional. Mahkamah lebih cenderung merujuk pakar psikiatri

berbanding pakar psikologi kerana ahli psikiatri merupakan seorang doktor (Ravichandran, Rajamanickam & Dahlan, 2022) serta mempunyai kaedah diagnosis yang standard seperti DSM (Diagnostic dan Statistik Penyakit Mental) dan ICD (Klasifikasi Penyakit Antarabangsa) (Haw & Stubbs, 2011; Moritz et al., 2025). Oleh itu, penerimaan keterangan psikologi memerlukan penyesuaian terhadap unsur kebolehterimaan di Mahkamah Syariah.

### **2.3 Kaedah Pembuktian**

Kaedah pembuktian melibatkan prosedur atau teknik yang digunakan oleh mahkamah untuk menilai dan mengesahkan kebenaran keterangan dalam kes-kes tertentu. Di Mahkamah Syariah, kaedah pembuktian yang sering digunakan termasuklah saksi, pengakuan, dan bukti fizikal yang lebih jelas serta berasaskan fakta zahir (Saifuddin et al., 2019). Pendekatan ini mengutamakan bukti “tradisional”, dan sebarang kaedah saintifik jarang digunakan. Namun, kaedah ini mungkin tidak mencukupi dalam kes yang melibatkan aspek mental, emosi, atau psikologi tertuduh, yang memerlukan penilaian berdasarkan pendekatan saintifik yang lebih tepat (Ahmad et al., 2020). Oleh itu, penerimaan kaedah pembuktian saintifik, seperti keterangan psikologi, dianggap penting untuk melengkapi kaedah “tradisional” di Mahkamah Syariah.

Unsur utama dalam kaedah pembuktian di Mahkamah Syariah melibatkan kredibiliti saksi (termasuk saksi pakar), bukti sokongan, dan kebolehpercayaan keterangan. Kredibiliti saksi merujuk kepada kebolehan saksi memberikan keterangan yang jujur dan bebas daripada bias serta memenuhi beberapa kriteria lain sebagai pakar forensik (Ismail et al., 2021), manakala bukti sokongan meliputi dokumen tambahan atau laporan perubatan yang dapat menyokong fakta kes. Kebolehpercayaan pula memastikan keterangan adalah tepat dan berasal dari sumber yang sah. Unsur-unsur ini penting dalam memastikan setiap keterangan memenuhi syarat kebolehpercayaan sebelum diterima oleh mahkamah (Salim & Cheong, 2016). Penggunaan kaedah saintifik seperti keterangan psikologi berpotensi memperkukuh unsur kebolehpercayaan dan kredibiliti ini, namun cabaran utama ialah bagaimana mengintegrasikan kaedah ini secara selari dengan prosedur tradisional yang diamalkan dalam sistem perundangan Syariah.

## **3. METODOLOGI**

Penulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bertujuan untuk mendapatkan pemahaman mendalam mengenai kebolehterimaan keterangan pendapat pakar psikologi di Mahkamah Syariah, termasuk cabaran dan peluang penambahbaikan yang berkaitan. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia membolehkan penulis meneliti isu secara komprehensif, dengan mengkaji konteks sosial dan perundangan yang mempengaruhi penerimaan keterangan pendapat psikologi dalam sistem kehakiman Syariah. Fokus utama kajian ini adalah untuk menilai sejauh mana kaedah saintifik dalam bidang psikologi dapat diterima sebagai alat pembuktian di Mahkamah Syariah, serta bagaimana unsur-unsur saintifik ini dapat disesuaikan dengan kaedah pembuktian “tradisional” yang digunakan.

Unit analisis bagi kajian ini meliputi peruntukan statut (perundangan) serta kes-kes Mahkamah Syariah yang melibatkan isu-isu berkaitan kesihatan mental dan tingkah laku, khususnya yang memerlukan pendapat pakar psikologi. Unit analisis turut merangkumi institusi yang signifikan seperti Mahkamah Syariah di Malaysia dan individu utama seperti hakim, pakar psikologi, serta tertuduh atau mangsa yang terlibat dalam kes-kes tersebut. Kes-kes terpilih dari beberapa

Mahkamah Syariah di negeri-negeri utama memberikan variasi yang luas dalam amalan dan tahap penerimaan keterangan psikologi. Penulisan ini juga melibatkan analisis terhadap peristiwa atau kes mahkamah tertentu yang berkaitan dengan isu kebolehterimaan keterangan psikologi. Tambahan lagi, analisis secara perbandingan turut dijalankan bagi mengenalpasti perbezaan antara pendapat pakar psikologi dan pakar psikiatri dalam isu yang sama.

Reka bentuk kajian ini berdasarkan analisis kandungan dan analisis kes, yang sesuai untuk menilai data yang berkaitan dengan undang-undang dan kes-kes perundangan. Pendekatan ini membolehkan pengkaji memahami bagaimana keterangan psikologi dinilai dan diterima di Mahkamah Syariah. Analisis kandungan membantu mengkaji peruntukan undang-undang, manakala analisis kes membolehkan pengkaji mengenal pasti corak dan variasi dalam penerimaan keterangan psikologi. Pemilihan reka bentuk ini juga mengambil kira kajian terdahulu yang menunjukkan kepentingan pendekatan kualitatif untuk isu yang melibatkan analisis sosio-perundangan dalam sistem perundangan Syariah.

Sumber data bagi kajian ini diperoleh daripada sumber primer iaitu melalui peruntukan statut (perundangan) yang difokuskan kepada undang-undang keterangan di mahkamah Syariah. Selain itu, dokumen sekunder, seperti laporan kes, artikel jurnal, dan buku yang berkaitan dengan kebolehterimaan keterangan pakar psikologi turut dianalisis. Dokumen-dokumen ini menyediakan konteks penting yang menyokong pemahaman terhadap isu yang dikaji. Kesemua data ini diutamakan kerana ia membolehkan kajian yang komprehensif terhadap amalan undang-undang sedia ada. Selain itu, kajian literatur berkaitan turut digunakan untuk membandingkan amalan penerimaan keterangan psikologi di Mahkamah Syariah dengan amalan di mahkamah sivil.

Analisis data dilakukan melalui tiga tahap utama seperti yang dicadangkan oleh Miles dan Huberman (2008), iaitu reduksi data, penyajian data, dan verifikasi data. Reduksi data melibatkan pemilihan dan penyaringan maklumat yang relevan daripada sumber-sumber perundangan dan kes mahkamah. Penyajian data dijalankan dalam bentuk jadual dan naratif untuk membantu mengenal pasti pola dan trend dalam penerimaan keterangan psikologi. Verifikasi data pula dilakukan melalui triangulasi, dengan membandingkan hasil analisis dengan kajian terdahulu bagi memastikan kesahihan dapatan. Kaedah ini membolehkan kajian menghasilkan temuan yang terperinci dan berwibawa dalam memahami kebolehterimaan keterangan psikologi di Mahkamah Syariah.

## **4. DAPATAN KAJIAN**

### **4.1 Kerelevanan Keterangan Pendapat Pakar Psikologi**

Kerelevanan keterangan pendapat pakar psikologi di Mahkamah Syariah bergantung kepada peruntukan undang-undang yang membenarkan penggunaannya sebagai *qarinah* atau bukti sokongan dalam kes tertentu (Yusoff, 2004). Seksyen 33(1) dalam Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah telah mengiktiraf pendapat pakar dalam bidang sains, termasuk psikologi, apabila mahkamah memerlukan pandangan khusus untuk memahami sesuatu isu teknikal yang berada di luar kepakaran hakim. Pendapat pakar psikologi dianggap sebagai *qarinah* dalam kes yang melibatkan isu mental atau tingkah laku tertuduh atau mangsa, kerana ia memberi perspektif saintifik yang membantu mahkamah membuat keputusan lebih berinformasi dan adil (Nasri & Noor, 2020). Keterangan ini penting, terutamanya dalam kes yang kompleks di mana pemahaman

saintifik mengenai keadaan mental dapat memberikan konteks yang lebih tepat bagi hakim dalam menentukan fakta kes (Ravichandran, Rajamanickam & Dahlan, 2022).

Di samping itu, Seksyen 39 mengiktiraf bahawa alasan di sebalik pendapat pakar juga dianggap sebagai *qarinah*, menjadikan justifikasi saintifik yang mendasari pendapat pakar psikologi sebagai elemen penting. Misalnya, pakar psikologi yang mengemukakan keterangan berasaskan ujian atau penilaian saintifik perlu menyediakan bukti sokongan seperti hasil ujian atau analisis data psikologi yang relevan. Justifikasi ini mengesahkan bahawa pendapat tersebut bukan sekadar pandangan peribadi tetapi didasari oleh bukti saintifik yang sahih. Seksyen 47(1)(d) pula menetapkan bahawa keterangan berkaitan pendapat dan alasan di sebaliknyanya mestilah disampaikan terus oleh pakar yang berkenaan (Salim & Cheong, 2016). Hal ini bagi memastikan mahkamah memperoleh penjelasan langsung daripada pakar tersebut, sekali gus membantu hakim memahami dengan lebih jelas rasional saintifik di sebalik pendapat yang dikemukakan.

Keterangan oleh pakar psikologi dari sektor kerajaan turut mendapat kelebihan tambahan berdasarkan Seksyen 62, yang memperuntukkan bahawa keterangan daripada saksi pakar kerajaan dianggap lebih bernilai. Sekiranya pakar psikologi tersebut merupakan pegawai kerajaan, mahkamah akan menganggap keterangannya lebih kredibel dan objektif, yang menambah nilai keterangan dalam pembuktian (Nasri & Noor, 2020). Seksyen 83(2) pula membenarkan keterangan pakar bukan Islam diterima sebagai *bayyinah* di Mahkamah Syariah selagi ia mematuhi prinsip Hukum Syarak. Pendapat daripada pakar psikologi bukan Islam juga boleh diterima jika ia memenuhi syarat-syarat ini, memastikan mahkamah mendapat akses kepada pelbagai kepakaran yang relevan dalam kes-kes yang melibatkan isu mental atau psikologi, tanpa mengira latar belakang agama pakar tersebut (Saad, 2009). Kesemua peruntukan undang-undang menjadikan pendapat pakar psikologi relevan untuk dikemukakan di mahkamah syariah. Berikut adalah jadual 1 yang menerangkan setiap seksyen yang berkaitan dengan penerimaan pendapat pakar psikologi di Mahkamah Syariah:

Jadual 1: Asas Peruntukan Pemakaian Pendapat Pakar Psikologi

Seksyen	Peruntukan	Penjelasan
Seksyen 33(1)	Mahkamah boleh menerima pendapat pakar dalam bidang undang-undang negara asing, sains, seni, identiti tulisan tangan, cap jari, atau nasab sebagai <i>qarinah</i> .	Keterangan pakar psikologi dalam bidang sains dianggap sebagai <i>qarinah</i> apabila mahkamah memerlukan pandangan saintifik untuk memahami aspek yang di luar kepakaran hakim. Pendapat saintifik ini boleh digunakan untuk menilai keadaan psikologi tertuduh atau mangsa.
Seksyen 33(2)	Individu dengan kemahiran khusus dalam bidang yang relevan dianggap sebagai pakar.	Pakar psikologi diiktiraf sebagai individu berkemahiran khusus dalam bidang sains psikologi dan boleh memberi keterangan yang relevan mengenai keadaan mental atau emosi pihak yang terlibat dalam kes, selagi ia berkaitan dengan fakta kes.
Seksyen 33(3)	Dua orang pakar atau lebih sebaiknya dipanggil; jika tidak mungkin, seorang pakar mencukupi. Jika terdapat perbezaan pendapat, pakar ketiga diperlukan.	Mahkamah digalakkan untuk mendapatkan sekurang-kurangnya dua pendapat pakar bagi memastikan ketepatan; namun, seorang pakar tetap diterima jika tiada pakar lain. Jika berlaku percanggahan dalam pendapat, pakar ketiga diperlukan untuk mencapai kesimpulan yang lebih jelas.

Seksyen	Peruntukan	Penjelasan
<b>Seksyen 39</b>	Pendapat pakar dan alasan di sebaliknya dianggap sebagai <i>qarinah</i> .	Keterangan pakar psikologi mesti disokong oleh alasan atau bukti saintifik, seperti ujian atau analisis yang kukuh, untuk memastikan keterangan itu tidak bersifat subjektif tetapi berdasarkan asas yang saintifik dan boleh diterima oleh mahkamah.
<b>Seksyen 47(1)(d)</b>	Keterangan mengenai pendapat atau alasan di sebalik pendapat mestilah diberikan secara langsung oleh pakar itu sendiri.	Pendapat pakar psikologi berkaitan keadaan mental atau tingkah laku tertuduh atau mangsa perlu disampaikan secara langsung oleh pakar tersebut. Hal ini memastikan mahkamah menerima penjelasan langsung daripada pakar yang berkelayakan, serta alasan di sebalik pendapat yang dikemukakan.
<b>Seksyen 62(1)</b>	Salinan diperakui atau dokumen rasmi oleh pegawai kerajaan dianggap sebagai tulen oleh mahkamah.	Keterangan psikologi yang berupa laporan rasmi atau diperakui oleh pegawai kerajaan dianggap sah oleh mahkamah. Keabsahan ini memberikan lebih berat kepada keterangan pakar psikologi, terutamanya jika disediakan oleh pakar yang berkhidmat dengan institusi kerajaan.
<b>Seksyen 83(2)</b>	Pakar bukan Islam boleh memberi bayyinah untuk pihak Islam jika keterangannya diterima mengikut Hukum Syarak.	Keterangan daripada pakar psikologi bukan Islam diterima di Mahkamah Syariah asalkan ia mengikut syarat-syarat Hukum Syarak. Penerimaan ini memberi mahkamah akses kepada kepakaran psikologi tanpa mengira latar belakang agama pakar tersebut, asalkan ia relevan dengan kes.

Sumber: Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Melaka 2002

Jadual ini merangkumkan setiap seksyen yang relevan dalam Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah, yang mendukung kerelevanan keterangan pendapat pakar psikologi di Mahkamah Syariah. Setiap peruntukan memberikan asas dan syarat yang diperlukan untuk memastikan keterangan pakar psikologi boleh diterima sebagai *qarinah* yang relevan, berwibawa, dan mempunyai nilai pembuktian.

#### **4.2 Signifikan Pendapat Pakar Psikologi di Mahkamah Syariah**

Pakar psikologi memainkan peranan penting dalam Mahkamah Syariah dengan menyediakan penilaian saintifik yang membantu memahami keadaan mental dan emosi individu yang terlibat dalam kes-kes tertentu. Kes hak penjagaan anak, sebagai contoh, melibatkan penilaian kestabilan mental dan kemampuan keibubapaan yang dilakukan melalui psikopatologi dan skala kestabilan emosi (Frasier-Robinson, 2017). Penilaian ini membolehkan mahkamah membuat keputusan berdasarkan kesejahteraan psikologi anak yang terbabit. Begitu juga bagi kes perceraian yang melibatkan dakwaan penderaan emosi, pakar psikologi menjalankan penilaian trauma untuk mengukur tahap tekanan yang dialami oleh mangsa serta memastikan kesahihan tuntutan tersebut (Mahon, 2022). Hasil penilaian ini menjadi asas penting dalam menentukan hak nafkah atau pampasan yang berpatutan, membolehkan mahkamah mempertimbangkan kesan emosi secara objektif.

Penilaian kredibiliti keterangan saksi atau tertuduh turut diberikan perhatian, terutamanya apabila trauma atau tekanan psikologi mempengaruhi memori dan keupayaan individu untuk memberi keterangan yang sahih. Bagi kanak-kanak atau individu dengan gangguan mental yang perlu memberi keterangan, penilaian kognitif adaptif digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan ingatan dan kesediaan mereka untuk menjadi saksi (Wouters et al., 2011). Pendekatan psikodinamik juga diterapkan dalam kes seperti jenayah sihir, di mana niat dan motif tertuduh mungkin dipengaruhi oleh faktor psikologi mendalam (Nasri, Noor, Ismail, Yahya, & Ibrahim,



2024). Melalui analisis psikodinamik, mahkamah memperoleh pemahaman yang lebih jelas mengenai dorongan psikologi di sebalik tindakan tertuduh, membolehkan keputusan yang lebih berasaskan fakta saintifik serta adil (Ikkos, 2000).

Psikologi turut membantu dalam mengukuhkan bukti melalui penilaian saintifik terhadap reaksi emosi yang ditunjukkan di mahkamah. Reaksi emosi mangsa dalam kes keganasan rumah tangga, sebagai contoh, boleh menunjukkan tahap trauma yang dialami dan membantu mahkamah memahami kesan psikologi yang mendalam. Selain itu, pendapat pakar psikologi bertindak sebagai *qarinah* atau bukti sokongan dalam kes hak penjagaan dan nafkah, memberikan perspektif saintifik mengenai kestabilan mental dan emosi individu yang terlibat. Analisis saintifik ini menyokong mahkamah dalam membuat keputusan yang lebih adil dan saksama berlandaskan pemahaman psikologi terperinci. Pendekatan ini menunjukkan kepentingan peranan psikologi dalam menilai aspek mental dan emosi yang mempengaruhi keputusan undang-undang di Mahkamah Syariah. Jadual 2 berikut menunjukkan peranan pakar psikologi dan contoh kes yang sesuai untuk menggunakan pendapat pakar psikologi di Mahkamah Syariah:

Jadual 2: Peranan Pakar Psikologi di Mahkamah Syariah

Peranan Psikologi	Penjelasan	Contoh Kes yang Sesuai
Penilaian Status Mental Tertuduh atau Saksi	Pakar psikologi menjalankan penilaian psikopatologi untuk mengenal pasti gangguan mental yang boleh mempengaruhi keupayaan tertuduh atau saksi memahami tindakan mereka.	Hak Penjagaan Anak - Menilai kestabilan mental ibu bapa dalam perebutan hak. Kesalahan Kesihatan Mental - Menilai kemampuan mental tertuduh dalam kes jenayah.
Penilaian Kredibiliti dan Kebolehpercayaan Keterangan	Pakar psikologi menilai konsistensi ingatan melalui analisis keabsahan kognitif untuk memastikan kebolehpercayaan keterangan saksi, terutama dalam kes trauma.	Perceraian Akibat Penderaan Emosi - Menilai kesan trauma terhadap mangsa. Kelayakan Kanak-Kanak Memberi Keterangan - Menilai kesahihan keterangan kanak-kanak dalam kes penderaan.
Analisis Niat dan Motif Melalui Aspek Psikodinamik	Pakar psikologi menggunakan pendekatan psikodinamik untuk mengkaji niat dan motif di sebalik tindakan tertuduh, terutamanya dalam kes yang memerlukan pemahaman motif sebenar di sebalik tindakan jenayah.	Kesalahan Jenayah Sihir - Menilai motif dan dorongan psikologi tertuduh. Kes Nusyuz (Penderhakaan Isteri) - Memahami tekanan emosi di sebalik tindakan isteri.
Penilaian Kapasiti Kognitif Kanak-Kanak atau Individu dengan Gangguan Mental	Menggunakan skala kecerdasan dan penilaian kognitif adaptif, pakar psikologi menilai kapasiti mental kanak-kanak atau individu dengan gangguan mental untuk memastikan mereka memahami dan boleh memberi keterangan yang tepat.	Kelayakan Kanak-Kanak Memberi Keterangan - Menilai kesediaan kanak-kanak memberi keterangan. Kes Bunuh atau Serangan yang Melibatkan Tekanan Psikologi - Menilai pengaruh tekanan emosi terhadap tindakan jenayah.
Mengukuhkan Bukti Berdasarkan Respon Emosi	Melalui analisis afektif dan penilaian ekspresi emosi, pakar psikologi menilai sama ada reaksi emosi saksi atau tertuduh adalah hasil trauma atau gangguan mental, memastikan reaksi tersebut difahami dalam konteks saintifik yang tepat.	Keganasan Rumah Tangga - Menilai impak trauma terhadap mangsa keganasan.
Penyediaan Bukti Sokongan Saintifik sebagai <i>Qarinah</i>	Pendapat psikologi berfungsi sebagai <i>qarinah</i> atau bukti sokongan dalam kes hak penjagaan atau nafkah melalui penilaian fungsi mental dan kestabilan emosi individu,	Hak Penjagaan Anak - Memberi penilaian saintifik tentang kestabilan penjaga.

Peranan Psikologi	Penjelasan	Contoh Kes yang Sesuai
	membantu menyokong keputusan berasaskan kesejahteraan psikologi pihak terlibat.	

Sumber: Pengkaji.

Jadual ini merangkumi peranan pakar psikologi dan contoh kes yang berkaitan dalam Mahkamah Syariah, membantu mahkamah memahami konteks mental dan emosi individu berdasarkan bukti saintifik yang terfokus.

#### 4.3 Cabaran Pengemukaan Pendapat Pakar Psikologi

Penerimaan keterangan pakar psikologi di Mahkamah Syariah menghadapi cabaran dari aspek perundangan, terutama apabila dibandingkan dengan psikiatri. Mahkamah Syariah cenderung merujuk kepada pakar psikiatri dalam kes yang melibatkan isu kesihatan mental kerana pengiktirafan formal yang diberikan kepada psikiatri melalui peruntukan undang-undang. Dalam banyak peruntukan undang-undang, khususnya dalam bidang kesihatan mental, psikiatri diiktiraf sebagai pakar dalam menilai keadaan mental tertuduh (Ravichandran, Rajamanickam & Dahlan, 2022). Sebaliknya, keterangan psikologi masih belum diiktiraf sepenuhnya dalam perundangan, menyebabkan keterangan mereka kurang diberi perhatian dalam kes-kes mahkamah. Justifikasinya adalah ahli psikologi masih tiada badan berautoriti (*standard boards*) dan akta khusus yang mengawal selia berbanding ahli psikiatri yang terdiri daripada doktor perubatan yang bernaung di bawah *Malaysian Medical Council* (MMC) berdasarkan kepada Akta Perubatan 1971. Keadaan ini mencetuskan jurang persepsi di mana pakar psikiatri dianggap lebih berautoriti, meskipun pakar psikologi juga memiliki kelayakan yang sah dan relevan dalam menilai keadaan mental dan tingkah laku. Jadual 3 berikut merupakan kes di Mahkamah Syariah yang mengiktiraf pakar psikiatri dalam isu yang melibatkan kesihatan mental:

Jadual 3: Pendapat Pakar Psikiatri dalam Kes Kesihatan Mental di Mahkamah Syariah

Kes	Alasan Penghakiman
<i>AHMG v AGMG &amp; Ors</i> [2019] 3 SHLR 1	“Untuk menentukan sama ada si mati mempunyai kelayakan bertasarruf atau tidak (dalam kes hibah), ianya bergantung kepada keadaan mental si mati pada tarikh tersebut. Pada hemat kami, individu yang berkompeten untuk merumuskan keadaan mental si mati adalah pakar perubatan yang khusus dalam bidang psikiatri sebagaimana kehendak s 33(1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.”
<i>Sharimah Muhamad Lwn. Ahmad Burhanuddin Abdullah</i> [2009] 1 CLJ (SYA) 295; [2007] 2 SYA 7	“Mahkamah melihat kepada laporan Doktor Pakar Psikiatrik dan kesihatan mental Hospital Kota Bharu yang ditanda sebagai P2 yang ditandatangani oleh Dr. Muhammad Arif bin Muhammad Nor di dalam laporannya mengatakan responden mengalami gangguan kesihatan mental disebabkan oleh tekanan perasaan yang berterusan akibat dari kehidupan rumahtangga yang tidak harmoni.”
<i>Zakaria @ Supar bin Ali v Haznah @ Maznah bt Embong</i> [2011] 2 SHLR 12	“Dalam membuat keputusannya, Mahkamah Rendah Syariah juga telah merujuk kepada laporan perubatan Dr Wan Munazri bin Wan Mustafa, Pegawai Perubatan, Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental, Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu. Antara lain laporan perubatan itu menyebut bahawa pemohon telah menerima rawatan di klinik psikiatri sejak bulan Ogos, 1992 hingga sekarang.”

Kes	Alasan Penghakiman
	Pemohon telah disahkan mengalami penyakit <i>organic personality change with depressive illness</i> . Kerap mendapat serangan penyakit sawan ekoran pernah terlibat di dalam kemalangan, sering menjadi mudah marah, terlalu sensitif, hilang kawalan diri, impulsif dan sering berasa was-was terutama apabila kemurungan.”

Sumber: *Current Law Journal (CLJ)* dan *Shariah Law Reports (ShLR)*.

Teknikaliti undang-undang juga menjadi cabaran dalam penerimaan bukti psikologi di Mahkamah Syariah. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah, khususnya Seksyen 33, menetapkan bahawa hanya keterangan daripada pakar berkeelayakan dalam bidang tertentu boleh diterima. Namun, tanpa garis panduan spesifik mengenai penerimaan keterangan psikologi, hakim mungkin kurang yakin dengan teknik dan kaedah yang digunakan dalam penilaian psikologi berbanding psikiatri yang lebih jelas prosedurnya dalam bidang perubatan. Ketiadaan peruntukan jelas tentang kaedah psikologi menjadikan hakim berhati-hati dalam menerima keterangan psikologi sebagai bukti sah kerana prosedur yang digunapakai perlu mematuhi standard undang-undang yang ketat. Selain itu, mahkamah juga perlu memastikan bahawa ahli psikologi itu mempunyai kelayakan yang cukup untuk diiktiraf sebagai pakar berdasarkan kepada ilmu pengetahuan (kelayakan akademik) dan pengalaman yang luas (Ismail et al., 2021).

Kekurangan garis panduan khusus bagi keterangan psikologi menambah lagi cabaran dalam penerimaan bukti ini di Mahkamah Syariah (Nasri & Noor, 2021). Peruntukan dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Melaka 2002, sebagai contoh, menyebut keperluan dua orang pakar menurut Seksyen 33(3) tetapi tidak memberi perincian mengenai teknik atau kelayakan psikologi yang boleh diiktiraf dalam konteks pembuktian. Ketiadaan prosedur yang jelas dan spesifik ini menyebabkan hakim sukar menilai keberkesanan dan kebolehpercayaan bukti psikologi (kecuali psikologi klinikal), berbeza dengan bukti psikiatri yang dilihat lebih teratur dan diiktiraf dalam undang-undang (Ravichandran, Rajamanickam & Dahlan, 2022). Justeru, kekurangan garis panduan rasmi bagi keterangan psikologi ini menghalang penerimaan pakar psikologi sebagai penyumbang bukti sah di Mahkamah Syariah.

## 5. PERBINCANGAN

### 5.1 Mewujudkan Garis Panduan Piawaian

Mewujudkan garis panduan piawaian bagi keterangan pakar psikologi di Mahkamah Syariah akan menyediakan asas yang jelas dan seragam untuk penerimaan serta penggunaan keterangan ini. Garis panduan yang komprehensif dapat membantu memastikan keseragaman dalam prosedur dan penilaian, sekaligus memperkukuhkan kredibiliti pakar psikologi dalam proses pembuktian (dengan menggariskan kelayakan profesional yang standard untuk ahli psikologi). Penetapan piawaian khusus ini penting bagi mengelakkan ketidakpastian dan ketidakseragaman dalam menilai keterangan psikologi, yang boleh menyebabkan keputusan mahkamah menjadi tidak konsisten atau berpotensi merugikan pihak-pihak terlibat. Keseragaman ini akan memudahkan mahkamah menilai keterangan psikologi secara objektif, yang berupaya meningkatkan tahap keadilan dan ketepatan dalam penghakiman. Penggunaan garis panduan juga menjadikan peranan pakar psikologi lebih dihargai dalam sistem pembuktian.

Keperluan bagi garis panduan ini amat dirasai kerana struktur Mahkamah Syariah yang bergantung kepada budi bicara hakim, tanpa rujukan piawaian khusus dalam menilai keterangan psikologi. Garis panduan ini akan menyediakan kerangka yang standard bagi hakim, mengurangkan risiko interpretasi subjektif dan berbeza-beza antara kes. Piawaian yang jelas dan terperinci bukan sahaja memudahkan hakim dalam menilai bukti psikologi, tetapi juga meningkatkan konsistensi dan ketelusan dalam keputusan mahkamah serta memudahkan pihak-pihak yang berkaitan secara langsung dengan sistem kehakiman Islam. Kejelasan ini memastikan setiap keputusan lebih berstruktur, adil, dan mengurangkan kesilapan tafsiran dalam aspek psikologi. Penyediaan garis panduan yang jelas ini akhirnya dapat memperkukuhkan integriti keseluruhan sistem perundangan Syariah dalam pengaplikasian bukti psikologi.

### **5.2 Penambahbaikan Sistem Kecekapan Pengamal Undang-undang**

Penambahbaikan kecekapan pengamal undang-undang dalam aspek psikologi forensik sangat penting dalam meningkatkan ketepatan dan keadilan keputusan di Mahkamah Syariah. Pengamal undang-undang yang memahami psikologi secara mendalam akan lebih cekap menilai keadaan mental dan emosi tertuduh atau saksi. Penilaian ini amat relevan dalam kes-kes melibatkan penderaan emosi, keganasan rumah tangga, atau isu hak penjagaan anak, di mana keterangan psikologi memberi perspektif saintifik mengenai keadaan mental pihak terlibat. Keterangan psikologi melalui pakar juga dapat meningkatkan kredibiliti keterangan, sekaligus membantu mengesahkan atau menolak sesuatu dakwaan. Ketiadaan pemahaman yang cukup tentang aspek ini mendedahkan pengamal undang-undang kepada risiko membuat keputusan yang tidak konsisten atau terlalu bergantung kepada bukti lain yang mungkin tidak menggambarkan keadaan sebenar, lalu menghasilkan keputusan yang kurang adil.

Kecekapan pengamal undang-undang dalam psikologi forensik memerlukan pendidikan dan latihan yang tersusun serta relevan dengan tuntutan kes di Mahkamah Syariah. Kerjasama antara institusi pengajian tinggi, badan kehakiman, dan organisasi profesional amat penting untuk membangunkan kurikulum latihan yang sesuai dan menyeluruh. Pendedahan kepada latihan psikologi forensik mampu membantu pengamal memahami batasan dan potensi keterangan psikologi dengan lebih baik, sekali gus mengelakkan kesilapan tafsiran. Latihan ini menjadikan pengamal undang-undang lebih peka dalam menangani kes yang melibatkan keadaan mental dan emosi serta memperkukuhkan sistem keadilan di Mahkamah Syariah. Pengetahuan ini juga membolehkan mereka menilai keterangan psikologi secara tepat, menghasilkan keputusan yang lebih berasaskan pemahaman mendalam terhadap keadaan mental pihak terlibat, serta mengurangkan risiko keputusan yang tidak adil atau berat sebelah.

### **5.3 Pemakaian Kaedah Pembuktian yang Bersifat Saintifik**

Pemakaian kaedah pembuktian yang bersifat saintifik dalam Mahkamah Syariah memberikan implikasi positif terhadap objektiviti dan kredibiliti keterangan pakar psikologi. Melalui pendekatan saintifik, mahkamah dapat mencapai tahap ketepatan dan kebolehpercayaan yang lebih tinggi dalam menilai keadaan mental atau emosi pihak yang terlibat. Langkah ini bukan sahaja meningkatkan kepercayaan terhadap keterangan psikologi sebagai alat pembuktian yang sah, tetapi juga menjadikan proses pembuktian lebih profesional. Tanpa kaedah saintifik yang kukuh, mahkamah mungkin bergantung kepada persepsi subjektif, yang berpotensi mengurangkan keberkesanan keterangan psikologi dan menjadikannya kurang dipercayai dalam konteks pembuktian undang-undang. Pendekatan saintifik dalam keterangan psikologi di Mahkamah

Syariah membantu memastikan bahawa keputusan lebih berasaskan bukti yang dapat diuji dan dinilai secara jelas dan empirikal.

Keperluan untuk menggunakan kaedah saintifik dalam pembuktian berpunca daripada struktur asas undang-undang yang menuntut objektiviti dan kebolehpercayaan bukti. Kaedah saintifik menghindarkan bias peribadi, memastikan bukti dikemukakan berlandaskan analisis yang dapat diuji secara empirikal. Hal ini selari dengan prinsip undang-undang keterangan Islam yang memerlukan pembuktian yang jujur dan boleh dipercayai. Di Mahkamah Syariah, pemakaian bukti berasaskan sains akan memberikan asas yang lebih tepat dan kuat dalam menilai keterangan psikologi, sekali gus meningkatkan penerimaan bukti psikologi sebagai komponen penting dalam kes-kes tertentu. Penerapan ini juga menunjukkan komitmen mahkamah terhadap ketepatan dalam pembuktian, menjadikan keputusan lebih adil dan berintegriti (Ahmad et al., 2020).

## **6. KESIMPULAN**

Temuan terpenting dari kajian ini ialah peranan dan relevansi keterangan pakar psikologi dalam Mahkamah Syariah, yang dapat memberikan perspektif tambahan terhadap keadaan mental atau emosi pihak yang terlibat, serta cabaran yang dihadapi dalam penerimaan dan pengiktirafan keterangan ini. Kajian ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat potensi besar dalam penggunaan keterangan psikologi, kebergantungan terhadap pakar psikiatri dan kekurangan piawaian yang jelas menghambat pengiktirafan penuh terhadap keterangan psikologi sebagai bukti utama dalam pembuktian undang-undang. Implikasi yang terhasil menunjukkan pentingnya penambahbaikan kecekapan pengamal undang-undang, mewujudkan garis panduan piawaian, serta pemakaian kaedah pembuktian saintifik untuk memperkukuhkan kedudukan keterangan pakar psikologi dalam sistem keadilan.

Kekuatan kajian ini terletak pada sumbangannya dalam memperkaya literatur undang-undang keterangan Islam khususnya dalam penerimaan keterangan psikologi di Mahkamah Syariah, serta mencadangkan pendekatan baru dalam menilai bukti psikologi secara lebih komprehensif dan saintifik. Kajian ini juga menyumbang kepada perkembangan disiplin ini dengan menawarkan cadangan penambahbaikan dalam prosedur penilaian keterangan psikologi serta mewujudkan asas bagi penerimaan yang lebih seragam dan telus. Pendekatan yang disarankan untuk mewujudkan garis panduan piawaian dan melatih pengamal undang-undang dalam aspek psikologi forensik adalah langkah baru yang dapat memberi impak positif terhadap keberkesanan sistem keadilan. Ringkasan cadangan penambahbaikan adalah seperti berikut:

- i. Memasukkan takrif pakar dalam statut (Undang-undang Keterangan di Mahkamah Syariah) seperti yang dilaksanakan oleh negara New Zealand (New Zealand, Evidence Act 2006).
- ii. Mewujudkan garis panduan yang standard untuk penerimaan pemakaian pendapat pakar forensik yang meliputi prosedur dan kredibiliti saksi pakar (termasuk ahli psikologi).
- iii. Pengiktirafan ahli psikologi melalui statut (akta khusus) dan badan berautoriti (*standard boards*) seperti kaunselor melalui Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) dan Lembaga Kaunselor Malaysia.
- iv. Menyediakan senarai daftar ahli psikologi (khususnya dalam kalangan penjawat awam) untuk rujukan pihak mahkamah serta peranannya yang jelas (perbandingan dengan kaunselor, psikologi dan psikiatri).

Walau bagaimanapun, kajian ini juga mempunyai keterbatasan yang perlu diatasi dalam penyelidikan lanjutan. Keterbatasan termasuk jumlah kes sebenar yang terhad dan kurangnya variasi dalam data sampel, yang mungkin menghambat generalisasi temuan ini. Kajian lanjutan dengan sampel yang lebih besar dan pendekatan campuran (*mix-method*) diperlukan untuk memperoleh pemahaman yang lebih menyeluruh, khususnya dalam aspek keberkesanan dan kebolehterimaan keterangan psikologi. Penyelidikan yang lebih mendalam ini juga diharapkan dapat menjadi dasar bagi pembentukan polisi atau garis panduan yang lebih baik dalam Mahkamah Syariah, sekaligus memperkasa sistem perundangan Islam dalam menilai keterangan pakar psikologi dengan lebih menyeluruh dan adil.

## **RUJUKAN**

- Ahmad, M. H., Baharuddin, A. S., Zakaria, M. A., Nordin, N., Ishak, S. K., & Othaman, N. K. (2020). Bukti Saintifik dan Penerimaannya di Mahkamah Syariah: Analisis Perundangan bagi Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 32(1), 67-92.
- Craig, L. A., & Expert Witness Advisory Group (EWAG). (2021). Psychologists as Expert Witnesses: Survey Results From the Expert Witness Advisory Group (EWAG). *The Journal of Forensic Practice*, 23(2), 77–89.
- Frasier-Robinson, M. (2017). Child and Adolescent Psychopathology: Resources for Clinicians, Researchers, Educators, and Parents. *Reference Reviews*, 31(5), 1-6.
- Freckelton, I. (2023). Expert Diagnostic Evidence by Psychologists: Disciplinary Tensions and Admissibility Issues. *Journal of Law and Medicine*, 30(1), 58–69.
- Hailemariam, M., Bustos, T. E., Montgomery, B. W., Brown, G., Tefera, G., Adaji, R., Taylor, B., Eshetu, H., Barajas, C., Barajas, R., Najjar, V., & Dennis, D. (2024). Mental Health Interventions for Individuals with Serious Mental Illness in the Criminal Legal System: A Systematic Review. *BMC Psychiatry*, 24(1), 199.
- Haw, C., & Stubbs, J. (2011). What Are We Doing About Weight Management In Forensic Psychiatry? A Survey of Forensic Psychiatrists. *The British Journal of Forensic Practice*, 13(3), 183-190.
- Ikkos, G. (2000). Psychosomatics and Psychodynamics: An Introductory Review. *Group Analysis*, 33(2), 235–250.
- Ismail, N., Mohamad, A. B., & Mohamad Tajuddin, U. R. A. (2021). Kriteria Pemilihan Saksi Pakar Forensik di Mahkamah. *UUM Journal of Legal Studies*, 12(2), 333-352.
- Lawton, A. (2020). *Admissibility of Evidence: Relevance, Reliability, and Validity in Judicial Decisions*. Oxford: Oxford University Press.
- Mahon, D. (2022). Trauma Screening and Assessments: Considerations for Specific and Non-Specific Trauma Services. Dalam *Trauma-Responsive Organisations: The Trauma Ecology Model* (hlm. 109–121).
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (2008). *Qualitative Data Analysis: An Expanded Sourcebook* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Mohd Shariff, A. A., Yahya, M. A., Rajamanickam, R., Tzu-Hsin, M. H., Subki, M. M., Azahari, N. F., & Muhamad, S. S. (2022). Prinsip Rantainya Jagaan dan Rantainya Keterangan:

- Keperluan Kepada Pengiktirafan dan Pengaplikasian dalam Kes Syariah di Malaysia. *Journal of Muwafaqat*, 5(1), 17-32.
- Moritz, S., Hoyer, L. N., Sarna, N., Abramovitch, A., Curran, C., De Nadai, A. S., & Schmotz, S. (2025). Quo vadis DSM-6? An expert Survey on the classification, Diagnosis, and Differential Diagnosis of Body-Focused Repetitive Behaviors. *Comprehensive Psychiatry*, 136, 152534.
- Nasri, M. S., & Noor, R. M. (2020). Kategori Keterangan Pendapat Pakar di Mahkamah Syariah: Isu dan cadangan. *Journal of Shariah Law Research*, 5(1), 35-54.
- Nasri, M. S., & Noor, R. M. (2021). Pemakaian Keterangan Pendapat Pakar Sebagai Kaedah Pembuktian di Mahkamah Syariah: Isu dan Cabaran. *Jurnal 'Ulwan*, Special Issue I: Kolokium Penyelidikan Ijazah Tinggi, 6(1), 172-190.
- Nasri, M. S., Noor, R. M., Ismail, M. A. M., Yahya, M. A., & Ibrahim, A. K. (2024). Pemakaian Keterangan Pendapat Sebagai Kaedah Pembuktian dalam Jenayah Sihir di Mahkamah Syariah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9(38), 23–38.
- Rajamanickam, R., Abdul Rahim, A., & Che Ngah, A. (2012). Kedudukan Keterangan Pakar Forensik di Bawah Seksyen 45 Akta Keterangan 1950. *Proceedings of the International Conference on Public Policy and Social Science*, UiTM Melaka, Malaysia, 121-130.
- Ravichandran, N., Rajamanickam, R., & Dahlan, N. K. (2022). *Keterangan ahli psikologi dan psikiatri sebagai saksi pakar*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saad, Z. R. (2009). Penglibatan Orang Bukan Islam dalam Sistem Kehakiman Syariah: Bukan Islam Sebagai Saksi di Mahkamah Syariah Malaysia. Kertas kerja dibentangkan dalam *Simposium Fiqh Masyarakat Bukan Islam di Malaysia*, Shah Alam, Selangor, Malaysia: Persatuan Ulama' Malaysia Cawangan Selangor.
- Saifuddin, S., Markom, R., & Muhamad, M. M. (2019). Kaedah Pembuktian dalam Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil di Malaysia: Suatu Kajian Perbandingan. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 31(1), 1–34.
- Salim, R., & Cheong, M. F. (2016). *Evidence in Malaysia and Singapore: Cases, Materials and Commentary* (3rd ed.). LexisNexis.
- Wouters, H., van Campen, J., Appels, B., Lindeboom, R., Buiters, M., de Haan, R. J., Zwinderman, A. H., van Gool, W. A., & Schmand, B. (2011). Does Adaptive Cognitive Testing Combine Efficiency with Precision? Prospective Findings. *Journal of Alzheimer's Disease*, 25(4), 595–603.
- Yahya, M. A., Mohd Shariff, A. A., & Khalid, N. N. (2024). *Proses Pengumpulan Keterangan Dokumen Elektronik*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yusoff, J. Z. M. (2004). *Pengenalan Undang-undang Keterangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

### **Rujukan Statut**

- Akta Kaunselor 1998.  
Akta Perubatan 1971.  
Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.  
Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.

### **Rujukan Kes**

*Kebolehterimaan Keterangan Pendapat Pakar Psikologi Sebagai Kaedah Pembuktian di Mahkamah Syariah*  
*Mohd Sabree Nasri, Ruzman Md Noor, Mohamad Azhan Yahya, Abdul Karim Ibrhim & Mohamad Afandi Md Ismail*

*AHMG v AGMG & Ors* [2019] 3 SHLR 1

*Sharimah Muhamad Lwn. Ahmad Burhanuddin Abdullah* [2009] 1 CLJ (SYA) 295; [2007] 2 SYA  
7

*Zakaria @ Supar bin Ali v Haznah @ Maznah bt Embong* [2011] 2 SHLR 12